

11/04/2002

Annuar tiada hasrat letak jawatan: Pak Lah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Annuar Musa tidak pernah menyatakan hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, sebaliknya menyatakan keinginan membantu Pengerusinya, Datuk Mustapa Mohamad, untuk mengukuhkan Umno negeri itu.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Annuar tidak pernah menyatakan hasratnya itu kepada beliau atau kepada Majlis Tertinggi Umno.

"Saya tak tahu kerana Annuar tidak pernah bagi tahu saya yang dia ada cadangan untuk meletak jawatan daripada kedudukannya sekarang.

"Malah, ketika saya membuat lawatan ke Kelantan baru-baru ini, beliau mengatakan kesediaannya untuk membantu Tok Pa (Mustapa Mohamad) sekiranya Tok Pa sibuk dengan tugas sebagai Ketua Penerangan Umno dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas khabar angin yang menyatakan Annuar akan meletak jawatan ekoran siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadapnya mengenai penyelewengan membabitkan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat pengurusan Umno di sini hari ini, Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata kenyataan yang diberi Annuar kepadanya tidak membayangkan langsung yang beliau mempunyai niat untuk meletak jawatan.

Sementara itu, Annuar ketika ditemui Berita Harian di pejabatnya di sini hari ini, berkata beliau dan Mustapa sudah berbincang dan bersepakat bahawa jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri adalah lantikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jadi, selagi mandat dan kepercayaan diberi Presiden parti, kami berdua akan terus memikul tanggungjawab ini dengan seberapa daya upaya kami serta berharap mendapat sokongan dan kerjasama semua pihak," katanya.

Sebelum ini, khabar angin turut mendakwa Mustapa berhasrat untuk meletak jawatan ekoran beberapa reaksi sehingga tersiarnya laporan akhbar yang mengatakan ada pihak yang ingin menggulingkan beliau.

Annuar berkata, beliau menyedari tanggungjawab dan komitmen Mustapa yang menyanggah jawatan lain di dalam parti dan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, beliau sanggup melepaskan komitmen perniagaannya di Kuala Lumpur supaya dapat menumpukan sepenuh masanya di Kelantan dan membantu menyempurnakan tugasnya dengan berkesan.

"Untuk membolehkan perkara di atas dilakukan dan selepas berbincang dengan Tok Pa, saya bersetuju untuk berkorban dengan membatalkan hasrat saya menceburi bidang perniagaan di Kuala Lumpur tetapi sebaliknya bekerja untuk Umno Kelantan sepenuh masa.

"Insya-Allah, mulai Mei ini saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Barisan Depan, akan menggerakkan jentera parti di segenap peringkat di bawah arahan Tok Pa," katanya.

Annuar berkata, beliau yakin Umno boleh menawan semula Kelantan mengikut undi popular yang semakin meningkat berbanding pilihan raya umum lalu.

Beliau berkata, fokusnya kini adalah tertumpu kepada empat golongan masyarakat iaitu pegawai kerajaan termasuk guru, badan bukan kerajaan, peniaga dan jentera parti itu sendiri.

(END)